

Geng 24: 52 pelajar dihadap ke mahkamah

KLANG 8 Mei - Seramai 52 remaja dipercayai terbabit dalam aktiviti kumpulan kongsi gelap Geng 24 dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini hari ini atas tuduhan terlibat dalam perhimpunan haram di sekitar daerah ini bulan lepas.

Tiga daripada mereka yang berumur 15 hingga 17 tahun mengaku bersalah manakala 49 yang lain berusia antara 15 dan 18 tahun minta dibicarkan selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka secara berasingan oleh jurubahasa mahkamah.

Enam daripada mereka menghadapi dua pertuduhan berikutnya didakwa melakukan kesalahan itu di dua lokasi berasingan.

Posiding di hadapan Majistret Nor Asma Ahmad dijalankan secara tertutup selama sejam.

Mengikut pertuduhan, mereka didakwa bersama-sama individu lain yang masih bebas terlibat dalam satu perhimpunan yang menyalahi undang-undang, seperti yang dipaparkan dalam satu video perhimpunan upacara pemotongan kek dihiasi angka 24.

Mereka didakwa melakukan kesalahan di hadapan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sri Andalas dan SMK Kampung Jawa, di SMK Raja Mahadi dan di belakang Sekolah Kebangsaan Simpang Lima, pada 20 dan 21 April lepas, antara 12.30 tengah hari dan 1.15 petang.



SERAMAI 52 remaja dipercayai terbabit dalam aktiviti kumpulan kongsi gelap Geng 24 didakwa atas tuduhan terlibat dalam perhimpunan haram bulan lalu di Mahkamah Majistret, Klang, Selangor, semalam. - BERNAMA

Pertuduhan ke atas mereka dibuat mengikut Seksyen 143 Kanun Keseksianan.

Majistret Nor Asma membentarkan kesemua remaja terbabit dibebaskan dengan jaminan antara RM800 dan RM1,000 serta seorang penjamin setiap seorang.

Beliau turut menetapkan 6 Julai depan untuk sebutan dan

jatuhan hukum.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Syed Farif Syed Ali sementara pihak pembelaan diwakili peguam Gerard Lazarus, Dinesh Muthal, V. Muniandy, S. K. Pari dan Dev Anand.

Media sebelum ini melaporkan pada 20 April lepas, dua video

memaparkan sekumpulan lelaki dipercayai anggota Geng 24 membulunkan kekecohan di luar sebuah sekolah di Klang, menjadi tular dalam media sosial.

Susulan itu, polis membuat beberapa siri tangkapan bermula 21 April lepas bagi menjelaki anggota geng kongsi gelap berkenaan. - BERNAMA